

SEJARAH - TINGKATAN 3

Kerjasama Antara Kaum ke Arah Kemerdekaan





PENGENALAN

1. Bagi memastikan penduduk tempatan mampu mentadbir negara sendiri, persiapan berkerajaan sendiri telah diadakan.
2. Melalui rundingan, dasar bekerjasama dan permuafakatan antara kaum telah tercapai.
3. Bagi mendukung cita-cita tersebut, parti-parti politik telah ditubuhkan.
4. Kebijaksanaan para pemimpin terdahulu yang telah berunding bagi mencapai kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957 tanpa pertumpahan darah seharusnya kita hargai.

KE ARAH MENCAPAI PERPADUAN KAUM

1. Melalui penubuhan Community Liaison Committee (CLC) atau Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum, usaha untuk mencapai perpaduan kaum di Tanah Melayu telah dimulakan.
2. Syarat yang dikenakan oleh pihak British adalah kerjasama antara kaum diadakan jika Tanah Melayu ingin mendapatkan kemerdekaan.
3. Perkara ini penting bagi menjamin kestabilan politik dan keharmonian masyarakat.

Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara kaum	
Fakta	Keterangan
Anggota	<ul style="list-style-type: none"> ♣ Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) ini hanya dianggotai oleh kaum Melayu dan Cina pada awalnya.
Ketua	<ul style="list-style-type: none"> ♣ Dato' Onn Ja'afar mengetuai UMNO yang mewakili orang Melayu manakala Tan Cheng Lock mengetuai Malayan Chinese Association (MCA) yang mewakili orang Cina.
1949	<ul style="list-style-type: none"> ♣ Mulai Ogos 1949, CLC turut dianggotai oleh seorang wakil iaitu daripada kaum India, Ceylon, Serani, dan Eropah. ♣ Pengerusi CLC ialah E.E.C. Thuraisingam dan penasihatnya ialah Sir Malcoms MacDonald, Gabenor Jeneral Asia Tenggara.
UMNO	<ul style="list-style-type: none"> ♣ Perundingan telah dijalankan selama hampir dua tahun. ♣ UMNO telah mengemukakan memorandumnya mempertahankan ketuanan Melayu dalam rundingan itu.
Tolak	<ul style="list-style-type: none"> ♣ CLC menolak tuntutan UMNO. ♣ Sebagai tolak ansur kepada kebuntuan rundingan ini, satu kompromi telah dibuat antara UMNO dan CLC.
Hasil	<ul style="list-style-type: none"> ♣ Beberapa perkara penting telah dipersetujui hasil daripada kompromi UMNO-CLC tersebut. ♣ Antaranya : <ol style="list-style-type: none"> (a) Bantuan ekonomi dan pelajaran kepada orang Melayu. (b) Pembentukan satu sistem pendidikan yang mewajibkan penggunaan bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. (c) Kelonggaran syarat kerakyatan Persekutuan. (d) Pilihan raya akan diadakan pada masa yang sesuai di peringkat Majlis Bandaran, Negeri, dan Majlis Perundangan Persekutuan.
Lahirkan	<ul style="list-style-type: none"> ♣ Perlaksanaan cadangan ini adalah selepas tahun 1951. ♣ Kesemua persetujuan ini dicapai sebagai suatu kerjasama kaum untuk melahirkan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

Usaha Parti-parti Politik Mewujudkan Perpaduan Kaum

♦ Sebagai usaha untuk melahirkan perpaduan kaum, beberapa buah parti antaranya ialah Independence of Malaya Party (IMP) dan Parti Negara telah ditubuhkan.



♦ Menteri Besar, pihak British, dan parti Negara telah mengadakan Konferensi Nasional sebagai usaha melahirkan kerjasama politik.



♦ Parti-parti lain yang berasaskan kaum tertentu seperti UMNO, MCA, dan MIC walaupun bagaimanapun telah bekerjasama menubuhkan Parti Perikatan.



♦ Persatuan Islam Se-Malaya (PAS) juga bekerjasama dengan UMNO dalam Konvensi Nasional.



♦ Untuk merealisasikan perpaduan kaum dan membincangkan betapa pentingnya mengadakan pilihan raya, Konferensi Nasional merupakan medan perbincangan pelbagai parti politik.



♦ Demi kemerdekaan Tanah Melayu, kesemua parti tersebut telah berusaha untuk mewujudkan perpaduan kaum.




♦ Usaha murni tokoh pemimpin parti tersebut merupakan usaha awal untuk melahirkan dasar kerjasama kaum dalam politik Tanah Melayu.



♦ Tokoh politik yang paling awal menyedari **kepentingan kerjasama pelbagai kaum** dalam sebuah parti iaitu IMP ialah Dato' Onn Ja'afar.



♦ Tokoh yang telah **memulakan kerjasama pelbagai parti** dalam sebuah gabungan parti politik yang besar iaitu Parti Perikatan ialah **Tunku Abdul Rahman**.



Pelancaran Parti Malaya Merdeka (IMP) pada bulan September 1951. Antara pemimpin yang hadir ialah Dato' Onn bin Ja'afar, Dato' Tan Cheng Lock, Dato' P.P. Narayanan, R. Ramani dan G. Shelley.
